

Pembangking peralat projek Kerpan: PM

Oleh LICHONG ANGKUI

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, bantahan penduduk terhadap pelaksanaan projek bersepadu ternakan udang harimau bernilai RM60 juta di Kerpan, Alor Star, disebabkan hasutan parti pembangkang.

Menurut Perdana Menteri, pelaksanaan projek pembangunan itu sengaja dipolitikkan oleh pembangkang yang memeralatkan penduduk tempatan bagi kepentingan peribadi.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan kondominium dan sekolah antarabangsa Mont' Kiara di sini semalam, beliau menyifatkan perbuatan pembangkang itu sebagai tidak bertanggungjawab dan tidak bertimbang rasa.

Beliau juga mengulangi bahawa kerajaan tetap meneruskan pelaksanaan projek berkenaan demi kepentingan rakyat di situ.

Menurutnya, kerajaan tidak akan menafikan hak majoriti rakyat di situ yang mahukan pembangunan hanya

kerana adanya tentangan daripada kumpulan minoriti.

"Kita bersimpati dengan mereka, tetapi simpati kenalah ada hadnya...kadang-kadang orang yang mengada-ngada kita tak bolehlah nak layan terus.

"Kita kena fikir kepentingan orang lain. Kalau majoriti berpendapat bahawa sesuatu projek itu menguntungkan mereka, tidaklah boleh dianggap sebagai bertimbang rasa bagi kumpulan minoriti untuk menafikan hak majoriti," katanya.

Beliau diminta mengulas tindakan sekumpulan 40 pemilik tanah yang mengadakan perhimpunan aman sebagai menentang pelaksanaan projek itu, Ahad lalu. Kumpulan itu menuntut kerajaan membayar RM50,000 bagi setiap relung (0.28 hektar) sawah dan menyediakan tapak rumah baru untuk mereka.

Mereka juga mahu kerajaan membayar pampasan RM363,000 kerana kerosakan tanaman, kehilangan punca pendapatan dan kos memulihkan semula sawah.

Pada 9 Januari lalu, Menteri Besar

Kedah, Tan Sri Osman Aroff, berkata kerajaan tidak boleh menangguhkan pelaksanaan projek di Kerpan itu bagi mengelak kerugian.

Beliau juga menegaskan kerajaan tidak bertolak ansur dengan pemilik tanah yang menentang projek itu kerana sudah beberapa kali menimbang dan memenuhi rayuan mereka.

Ketika isu projek berkenaan semakin hangat, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor, melawat ke situ dan mengadakan perjumpaan dengan penduduk terbabit.

Dr Mahathir berkata, masalah yang menyebabkan projek berkenaan tergendala disebabkan ada pihak tertentu bertindak sebagai kaki cucuk kepada orang kampung terbabit.

Katanya, perbuatan golongan kaki cucuk itu jugalah menyebabkan ada penduduk di Melaka membantah projek pembangunan yang dilaksanakan di negeri itu.

Mengenai pelaksanaan projek perumahan di pusat-pusat bandar, Perdana Menteri menyarankan supaya tanah atau lot yang dimiliki oleh in-

dividu dicantumkan sebelum dibangunkan secara bersepadu.

"Ini penting untuk memastikan projek berkenaan terancang dan tidak menyebabkan kesesakan, di samping menjamin kualitasnya," katanya.

Beliau berkata, langkah berkenaan juga dapat menentukan segala kemudahan asas seperti rekreasi dapat disediakan.

Menurutnya, oleh kerana nilai tanah di pusat-pusat bandar yang semakin meningkat sekarang, maka adalah wajar sesuatu tanah atau lot itu dibangunkan secara bersepadu selepas dicantumkan.

"Bagi saya, penduduk yang mempunyai hak milik tanah persendirian di pusat bandar tidak membangunkannya secara bersendirian kerana ia boleh menimbulkan banyak masalah kepada penduduk dan pihak berkuasa," katanya.

Beliau berkata, kerajaan tidak ada mekanisme mengawal harga tanah yang meningkat naik kerana ia berbeza dari satu tempat dengan tempat lain.